

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (33)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2016-2017)
BILANGAN 4 TAHUN 2016**

Tarikh : 27 April 2016 (Rabu)
Masa : 10.00 Pagi – 12.02 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 11 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan Februari dan Mac 2016.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 Beliau bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada sesi April ini. Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis dan Pengarah-pengarah di atas komitmen tinggi yang diberikan. Beliau berharap agar kita semua mengekalkan kerja berpasukan ini dengan penuh tanggungjawab, ikhlas, memberikan kerjasama yang tinggi dan komitmen dalam usaha mempertingkatkan lagi tadbir urus dan mutu perkhidmatan selaras untuk menjadikan Bandar Raya Petaling Jaya sebagai **Bandar Raya Berprestij.**



3.2 HARGAI BUMI KITA

Bumi kehilangan lebih 15 bilion pokok setiap tahun yang bersamaan dengan 48 padang bola setiap minit akibat daripada proses pembangunan yang dijalankan. Di Malaysia, saban tahun kita kehilangan pokok-pokok yang menghijau akibat memberi laluan kepada pembangunan, pembalakan, projek jalan raya yang rancak dan pesat dibangunkan.

Sedar atau tidak, generasi akan datang akan mengalami krisis mitigasi perubahan iklim global jika keadaan seperti aktiviti penebangan pokok dilakukan sewenang-wenangnya tanpa kawalan pihak berkuasa.

Pada tahun 1970 ketika kali pertama diadakan Hari Bumi, isu kesedaran dan penumpuan ke atas isu-isu alam sekitar giat diadakan. Oleh yang demikian, sempena ulang tahun ke 50 Hari Bumi pada tahun 2020, rangkaian Hari Bumi telah mengumumkan tema Pokok untuk bumi, rancangan untuk menanam sejumlah 7.8 bilion pokok menjelang Hari Bumi pada tahun 2020.

Aktiviti penanaman pokok mempunyai banyak faedah terhadap alam sekitar, ekonomi, sosial, psikologi dan juga kehidupan manusia. Antaranya, pokok menjadi teduhan yang dapat mengurangkan jumlah haba yang dikeluarkan.

Di peringkat Majlis, terdapat pelbagai program yang diadakan bagi menjadikan bandar raya Petaling Jaya terus subur menghijau. Antaranya adalah **Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Jadi Hujan (SPAHS)**. Teknik ini dapat mengurangkan permintaan air awam, menjimatkan kos memproses rawatan air dan dapat mengelakkan banjir kilat akibat hujan lebat. Ia selari dengan hasrat Majlis dalam usaha untuk memelihara alam sekitar secara efektif.

Selain itu juga, Majlis telah melancarkan **stesen mengecas kereta elektrik** dalam usaha untuk mencapai status bandar raya hijau berkarbon rendah dan menyokong dasar teknologi hijau.

Dalam memastikan kawasan pentadbiran Majlis sentiasa menghijau, Majlis telah melaksanakan program **Kebun Kejiranan** berkonsepkan "*Kitchen Garden*" dan "*Edible Landscape*" dan **Kebun Angkat**. Inisiatif inisiatif seumpama ini dapat menjadikan kawasan Petaling Jaya mesra hijau walaupun arus permodenan rancak dijalankan.



3.3 GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA BINAAN KE ATAS ORANG AWAM DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS.

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak menerima pakai Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Susulan itu, hal ehwal pengurusan sisa pepejal menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) adalah jabatan yang bertanggungjawab ke atas segala urusan berhubung sisa pepejal bermula dari kawalan di peringkat penjanaaan sisa sehinggalah kepada pelupusan.

Walaubagaimanapun, bagi pengurusan yang berkesan terutamanya untuk mempraktikkan 3R, konsep "*polluters pay*" dan pencegahan penjanaaan sampah serta penguatkuasaan, Kerajaan Negeri sedang merangka draf Enakmen berkenaan perkara di atas. Sementara itu, sebagai panduan amalan ke atas pengurusan sisa pepejal di kawasan Majlis, satu garis panduan amalan berkenaan perancangan dan pengurusan sisa pepejal telah disediakan dan diterima pakai seperti yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar yang bersidang pada 21 Oktober 2014.

Satu garis panduan pengurusan sisa binaan di Petaling Jaya telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan pada 21 Oktober 2014 dan kertas kerja pemakluman pula yang dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar pada 9 Februari 2015.

Ia adalah bertujuan untuk mencegah pembuangan sampah sisa binaan yang berleluasa dan pencemaran kebersihan di samping kawalan ke atas pembinaan/kerja perubahan atau tambahan bangunan tanpa kebenaran yang mana selaras dengan konsep "*polluters pay*".

Kadar sewa ke atas orang awam yang memerlukan perkhidmatan sewaan tong sisa binaan (tong RORO) untuk sebarang kerja pengubahsuaian sesuatu premis adalah seperti berikut:-

PERKARA	SAIZ TONG RORO	
	3 TAN (RM)	7 TAN (RM)
Tipping Fi	30.00	70.00
1. Sewa tong/ kos kontraktor	250.00	450.00
2. GST 6%	16.80	31.20
Jumlah Kecil	296.80	551.20
(Kadar Sewa 1 tong Kepada Orang Awam)	300.00	600.00
3. Deposit	300.00	600.00
JUMLAH BESAR	600.00	1200.00

Bagi tujuan ini, Majlis telah melantik 4 syarikat/kontraktor yang menyediakan prasarana dan perkhidmatan untuk pengurusan sisa binaan seperti yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tender pada 4 Februari 2016. Kontraktor yang dilantik akan diberikan tugas secara penggiliran dan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian dan tender.

Secara prinsipnya, perkhidmatan sewaan tong sisa binaan ini terbahagi kepada 3 peringkat:-

- i) Kontraktor yang dilantik oleh Majlis
- ii) Kelulusan permit pengubahsuaian
- iii) Penghantaran/pengemukaan Borang B di OSC

Merujuk kepada item (i) dan (iii) bil sewaan akan dikeluarkan oleh JPSPPA manakala bagi perkara (ii) bil sewaan dikeluarkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan.

3.4 BUDAYA SELENGGARAAN – JALAN DAN INFRASTRUKTUR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan sebuah organisasi yang berteraskan perkhidmatan. Justeru, Majlis sentiasa komited dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan masyarakat Petaling Jaya kerana ianya secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan perbandaran Majlis secara keseluruhannya.

Amalan budaya menyelenggara bagi perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran dan program penghijauan bandar akan terus ditingkatkan. Penyelenggaraan jalan raya amat penting demi kesejahteraan dan keselesaan warga Petaling Jaya khususnya dan masyarakat awam amnya.

Jalan raya yang rosak bukan sahaja memburukkan imej sesuatu PBT malah lebih terkesan adalah keselamatan pengguna jalan tersebut. Bagi tahun 2016, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM7.74 juta untuk pelbagai penyelenggaraan.

3.5 **PENURUNAN KES DENGGI**

Kes denggi di seluruh negara setakat ini menunjukkan trend penurunan tujuh minggu berturut-turut. Sumber dari Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Kebangsaan (CPRC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan kenyataan bahawa sepanjang minggu ke-15 dari 10 hingga 16 April lalu, sebanyak 1,854 kes denggi dilaporkan berlaku. Statistik ini menunjukkan penurunan 177 kes (8.7 peratus) berbanding minggu ke-14 pada tahun sama yang merekodkan 2,031 kes.

Di peringkat Majlis, kadar trend penurunan kes dilaporkan pada minggu ke 16/2016 adalah 81 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,824. Bilangan kes yang dilaporkan ini menurun sejumlah (27%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 112 Kes. Jumlah Lokaliti Wabak adalah 48 lokaliti, manakala Lokaliti Wabak Aktif adalah 18 lokaliti (ME 15 = 21 lokaliti). Tiga Lokaliti Wabak Baru dilaporkan.

Jumlah Lokaliti Wabak Tak Terkawal adalah 8 lokaliti. Jumlah Hotspot mencatatkan 7 lokaliti. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

Baru-baru ini MBPJ telah mendapat pujian daripada KKM di atas usaha yang dilakukan untuk mengurangkan kes denggi dengan mengadakan aktiviti gotong royong dan kempen COMBI SEDAR (Pasukan Mencari dan Memusnah Aedes) yang efektif pada setiap minggu.

Walaupun bagaimanapun, beliau ingin mengingatkan seluruh masyarakat setempat supaya tidak leka dengan situasi ini, sebaliknya perlu lebih peka dan terus berwaspada bagi memastikan persekitaran kediaman atau kawasan berhampiran bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes.



Beliau juga meminta supaya semua Ahli Majlis setiap zon memperbanyak dan mempertingkatkan lagi usaha untuk mendidik dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat supaya sentiasa berjaga-jaga kerana Kementerian Kesihatan Malaysia juga menjangkakan peningkatan kes akan berlaku pada bulan Mei hingga Julai. Ini adalah disebabkan oleh faktor cuaca dan trend kes denggi menunjukkan corak yang sama sejak tempoh dua tahun kebelakangan ini. Bagi mendapatkan info lanjut mengenai denggi di Petaling Jaya boleh melayari laman sesawang rasmi Majlis Bandaraya Petaling Jaya di www.mbpj.gov.my.

3.6 PEKERJA TUNGGAK KEMAKMURAN NEGARA

Kejayaan dan kegemilangan sesebuah organisasi amat bergantung kepada kualiti, kecemerlangan, dan integriti para pekerjanya. Sikap bertolak ansur, bekerjasama dan memikul tanggungjawab merupakan puncak kejayaan sesebuah organisasi mahupun perkhidmatan yang diberikan.

Saban tahun, bertepatan pada 1 Mei kita akan menyambut Hari Pekerja peringkat kebangsaan. Tema Hari Pekerja pada tahun ini, "**Pekerja Tunggak Kemakmuran Negara**" amat signifikan dan amat bersesuaian dengan tugas seorang pekerja dalam memberikan mutu, menghasilkan kualiti kerja dan perkhidmatan terbaik dalam menjalankan tugas kerja.

Budaya kerja yang positif akan menghasilkan kerja yang baik dan seterusnya membawa kepada kecemerlangan dan kejayaan di masa hadapan. Pekerja memainkan watak penting dalam memacu kesejahteraan, kestabilan dan kemakmuran negara.

Mengambil contoh suasana di negara maju, rakyatnya dilihat begitu komited, rajin dan berdedikasi bekerja sekaligus menghasilkan impak yang baik buat kerajaan.

Di kesempatan ini, beliau mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Semoga, apa-apa kerja yang diamanahkan dapatlah dilaksana dengan seikhlas hati disamping membudayakan kerja itu sebagai satu ibadah.



3.7 OPERASI PENGUATKUASAAN

3.7.1 OPERASI BERSEPADU DI SEKITAR KAWASAN SS21, DAMANSARA UTAMA, PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menjalankan operasi bersepadu pada 14 April 2016 di seluruh kawasan SS21, Damansara Utama, Petaling Jaya. Dalam operasi tersebut sebanyak 408 kompaun lalulintas telah dilaksanakan manakala bagi kompaun bayar dan peraga sebanyak 125 kompaun yang dikeluarkan oleh pihak Gordell. Selain dari itu, Majlis juga telah berjaya menjalankan tindakan tunda ke atas 15 kenderaan manakala tindakan kapit roda ke atas 13 kenderaan. Operasi bersepadu ini dijalankan bersama pihak Gordell dan dibantu oleh agensi-agensinya penguatkuasaan yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan anggota Polis Bantuan See Hoy Chan, Jalan SS 21/35, DamansaraUtama.

3.7.2 OPERASI BERSEPADU DI SEKITAR PASAR PAGI DAN PUSAT BANDAR

Pada 20 April 2016, Operasi Bersepadu PATI telah diadakan bersama Jabatan Imigresen (JIM) dan Unit Operasi dari Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang memberi fokus kepada kesalahan tiada dokumen perjalanan yang sah atau permit kerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Sebanyak 4 lokasi utama yang menjadi sasaran operasi ini iaitu di Pasar Pagi SS2, Pasar Pagi Sg. Way, Pasar Pagi Jalan Othman, Pusat Bandar dan telah berjaya menangkap seramai 36 orang (pelbagai bangsa; Nepal, Bangladesh, Indonesia dan Myanmar) serta 114 dokumen yang berjaya diperiksa.

3.7.3 OPERASI JALA DAN MEMANCING DI TAMAN-TAMAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Unit Urban Force, Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga telah menjalankan operasi jala dan memancing sebanyak 4 kali. Hasil daripada operasi-operasi tersebut sebanyak 15 sitaan telah dilakukan terhadap orang awam yang telah menjalankan kegiatan tersebut.



4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 3 TAHUN 2016 (PENGGAL 2016/2017)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2016 bertarikh 30 Mac 2016 telah diluluskan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2016 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 MAC 2016.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
3 (perkara 7.1.2)	<p>LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT BILANGAN 2 TAHUN 2016 Isu Rumah Terbiar</p> <p>Keputusan Mesyuarat agar satu kertas kerja di bawa kepada Mesyuarat MTES untuk menggunakan Kanun Tanah Negara di peringkat PBT. Perkara ini perlu diselaraskan untuk semua PBT di Selangor. Kertas kerja ini perlu di sediakan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Persekitaran dan Unit Perundangan MBPJ.</p>	<p>Jabatan Kesihatan dan Persekitaran memaklumkan bahawa Pegawai dari Pejabat Tanah akan membentangkan kertas kerja berkaitan lot dan rumah terbiar di dalam Mesyuarat MTES akan datang.</p> <p>Selain daripada itu, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran turut memaklumkan bahawa SUK telah mengarahkan semua PBT di Selangor untuk menyenaraikan semua tanah rezab Kerajaan ke SUK. Senarai nama itu akan disalurkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, memandangkan kebanyakan tanah rezab Kerajaan adalah milik Kementerian Pendidikan.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Encik Derek John Fernandez berharap agar sebelum kertas kerja dibentangkan di dalam Mesyuarat MTES, kertas tersebut hendaklah dibincangkan bersama Ahli Majlis agar apa keperluan Majlis dapat dibentangkan.</p>
<p>8.1 8.1.1</p>	<p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</p> <p>- <u>PJ city bus</u> Bagi memperolehi data-data penumpang PJ City Bus, beliau mencadangkan agar diwujudkan kad PJ City Bus. Selain daripada memperolehi data-data penumpang PJ City Bus, kad ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada kemudahan PJ City Bus ini dimanfaatkan oleh penduduk Petaling Jaya atau sebaliknya.</p>	<p>Jabatan Perancangan Pembangunan akan mengkaji cadangan ini. Selain daripada itu, Majlis juga boleh membuat bancian bagi mengetahui jumlah penduduk Petaling Jaya yang menggunakan perkhidmatan ini.</p> <p>Tuan Ir. Lee Suet Sen berharap agar jabatan terlibat memaklumkan semula di dalam mesyuarat sebarang keputusan atau hasil kajian yang dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan.</p>



**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-
JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER
BERTARIKH 25 MAC 2016, 4 APRIL 2016 DAN 20 APRIL 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (173)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (175)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (177)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT
SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 29 MAC 2016 DAN 8 APRIL 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (41)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (45)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 APRIL 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (90)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK
BERTARIKH 12 APRIL 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (7)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.



6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 12 APRIL 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (50)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.5.2 Mesyuarat turut mengambil maklum perkara yang dibincangkan oleh Encik Tang Fuie Koh bagi perkara 7.1 (ii) iaitu tanah runtuh di Lembah Bandar Utama dan Kg. Cempaka di Tepi Sg. Kayu Ara. Beliau berharap agar perkara ini diambil tindakan segera memandangkan ianya menjejaskan jalan di kawasan tersebut.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa jabatan telah berhubung dengan JPS akan tetapi tindakan yang diambil oleh JPS adalah terlalu lambat.

Sehubungan dengan itu, Encik Tang Fuie Koh mencadangkan agar Majlis mengambil tindakan segera ke atas tanah runtuh yang menjejaskan lalulintas di kawasan tersebut di atas.

6.5.3 Mesyuarat memutuskan agar JPS dan kumpulan syarikat swasta yang terlibat di dalam aktiviti korek pasir dipanggil di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan penasihat Lalulintas pada bulan hadapan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 13 APRIL 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (118)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.



**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 APRIL 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (72)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.7.2 Encik Tang Fuie Koh membangkitkan bagi perkara 7.2 di muka surat 11. Untuk makluman Tok Penghulu Kg Kayu Ara yang hadir di dalam mesyuarat ini sebagai pemerhati, beliau memaklumkan bahawa aduan ini telah dikemukakan sebanyak tiga (3) kali akan tetapi masih belum ada lagi jalan penyelesaian walaupun terdapat tindakan seperti notis dikeluarkan. Pasar Mini yang dimaksudkan menjual dan memproses ayam dan ikan yang mengakibatkan longkang tersumbat dan berbau busuk serta menjadi tempat pembiakan tikus dan lalat. Beliau berharap agar semakan dibuat ke atas lesen kedai tersebut dan aktiviti yang dijalankan selaras dengan lesen yang dipohon.

6.7.3 Beliau mencadangkan agar jabatan Kesihatan, Jabatan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam, Jabatan Pelesenan serta Jabatan Penguatkuasaan membuat operasi bersepadu ke atas aduan yang dibuat memandangkan banyak notis telah dikeluarkan dan tindakan belum dibuat.

6.7.4 Tuan Pengerusi meminta agar operasi bersepadu dan tindakan sitaan atau mahkamah dibuat sekiranya jabatan/bahagian telah mematuhi prosedur yang ditetapkan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN
BERTARIKH 18 APRIL 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (65)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 APRIL 21 MAC 2016. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (53)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan minit seperti berikut:-

bagi perkara 6.6.1b) di muka surat 62 iaitu:-

b) Di Jalan Persiaran Dagang, Bandar Sri Damansara.

perkara 6.10 di muka surat 64 iaitu:-

6.10.1 Ahli Majlis, Encik Tang Fuie Koh memaklumkan bahawa beliau telah mencadangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa TOD yang lalu agar satu mesyuarat khas diadakan bagi membincangkan perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan bagi pengubahan terhadap RTPJ 1 (Pengubahan 2) dan RTPJ 2 (Pengubahan 1).

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.9.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan :-

a) Permohonan daripada Encik Oon Chong Ling agar tindakan penguatkuasaan bersepadu terhadap aktiviti perniagaan tanpa lesen di Seksyen 18, Taman Kanagapuram (muka surat 62) dipanjangkan di Jalan SS 9A/12.

Selain daripada itu Encik Terence Tan Teck Seng turut berharap agar tindakan penguatkuasaan bersepadu dibuat di PJ Old Town di mana terdapat peniaga berniaga di dalam rumah.

Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud berharap agar siasatan dan tindakan dibuat ke atas kawasan 'limited commercial' dan perniagaan di dalam rumah memandangkan terdapat sesetengah tindakan yang membolehkan peniaga dikompaun dan ada yang tidak dikompaun.

b) Makluman daripada Encik Derek John Fernandez bahawa RTPJ masih dalam proses kelulusan MMKN. Sehubungan dengan itu, majlis boleh meneruskan proses perbincangan akan tetapi pendengaran awam tidak boleh dibuat pada masa ini.



7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANA BINTI SAADON

Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi ucapan pada pagi ini.

7.1.1 Longkang di Jalan 2/32 Petaling Jaya

Beliau berharap agar Jabatan Kejuruteraan mengkaji semula struktur binaan longkang di Jalan 2/32, Petaling Jaya memandangkan selepas hujan lebat keadaan di kawasan persekitaran banjir. Setelah siasatan dibuat didapati bahawa terdapat kabel TNB yang menyebabkan penyelenggaraan tidak dapat di buat. Sehubungan dengan itu, beliau meminta agar Jabatan Kejuruteraan mengkaji semula dan mengadakan perbincangan dengan TNB bagi tujuan penyelesaian kepada masalah tersebut.

7.1.2 Penyelenggaraan penutup longkang

Beliau turut berharap agar jabatan berkaitan menyelenggara penutup longkang atau lubang-lubang di kawasan Petaling Jaya. Sebagai contoh di zon 15 longkang di kawasan pejalan kaki di Jalan Othman tiada penutup sama ada disebabkan rosak atau dicuri. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar tindakan segera diambil bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini dari berlaku.

7.1.3 Papan Notis Kerja

Sebagai langkah berjaga-jaga terhadap sebarang kemalangan yang tidak diingini, beliau mencadangkan agar kon-kon penghadang kawasan projek dan papan tanda kerja dipasang di tempat pembinaan.

Selain daripada itu, pemaju projek hendaklah memasang lampu di tempat kejadian pada waktu malam bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.



Jabatan terlibat juga diminta untuk memantau kerja-kerja yang dijalankan serta arahan-arahan yang perlu dipatuhi demi keselamatan orang awam.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.**

7.1.4 Ucapan Tahniah

Beliau mengucapkan tahniah kepada warga kerja Majlis yang mendapat penganugerahan khidmat cemerlang yang telah diadakan pada 8 April 2016 yang lepas. Semoga dengan penganugerahan ini akan dapat meningkatkan semangat kerja dan meningkatkan motivasi dikalangan warga kerja MBPJ yang lain.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK WONG SWEE SANG

7.2.1 Dasar Kelulusan Kebenaran Merancang (KM)

Beliau memaklumkan bahawa baru-baru ini penduduk di beberapa kawasan PJU telah membangkitkan terdapatnya kabel TNB yang baru dibina di belakang rumah penduduk tanpa makluman. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Majlis memaklumkan kepada Ahli Majlis seterusnya mengadakan taklimat kepada penduduk bagi sebarang pembangunan atau pembinaan struktur walaupun kelulusan Kebenaran Merancang yang lama.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,
MBPJ
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.**

7.2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat

Beliau berpendapat bahawa sebagaimana tahun-tahun lepas Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat perlu diadakan setiap bulan memandangkan terlalu banyak agenda yang perlu dibincangkan.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.



7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

7.3.1 Beliau memaklumkan bahawa sebagai penduduk yang telah menetap di Petaling Jaya selama 43 tahun, beliau amat tidak berpuashati terhadap khidmat kontrak pembersihan yang meminta duit daripada penduduk. Menurut beliau baru-baru ini kontraktor sampah telah meminta wang daripada isteri beliau sebanyak RM50.00 bagi tujuan pembersihan sampah di luar rumah beliau. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Pengarah Jabatan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam dan dalam masa 15 minit pembersihan dibuat tanpa bayaran memandangkan memandangkan Majlis telah membayar perkhidmatan kontraktor pembersihan.

Tiga hari kemudian beliau mendapat aduan daripada penduduk Seksyen 5 yang memaklumkan bahawa kontraktor pembersihan telah meminta wang sebanyak RM50. Selain daripada itu, beliau turut mendapat panggilan daripada Encik Eric yang mengadu kontraktor jalan telah membuat kerja-kerja pembinaan pembahagi jalan dengan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan terdapat penipuan iaitu separuh konkrit dan separuh pasir.

Menurut beliau pemantauan kerja-kerja oleh kontraktor amat penting bagi mengelakkan penipuan dan tabiat kutipan wang oleh pekerja yang dilantik oleh kontraktor di mana ia boleh menjejaskan dan mencemar nama baik Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

7.3.2 Beliau turut menyokong cadangan oleh Encik Wong Swee Sang berkaitan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat yang perlu diadakan sebulan sekali.



7.3.3 Dasar Pelantikan Kakitangan Majlis.

Menurut beliau sebagaimana keputusan pelantikan pada sesi 2009/2010 yang lepas di mana dasar 7% atau 8% kakitangan yang dilantik hendaklah terdiri daripada calon yang boleh menguasai pelbagai bahasa seperti Tamil, Mandarin dan lain-lain. Dasar ini perlu diimplementasikan di MBPJ memandangkan penduduk Petaling Jaya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan lebih berkemahiran berbahasa Inggeris. Dengan mengambil pendekatan penduduk di Petaling Jaya adalah terdiri daripada pelbagai bangsa, maka satu kajian terhadap dasar tersebut perlu dibuat dan dikuatkuasakan.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Bahagian Pentadbiran Am dan Sumber Manusia, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.02 tengahari. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat yang hadir pada pagi ini.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS

Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 11 Mei 2016

LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Halimey bin Abu Bakar, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Shatiri bin Mansor, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Ong Swee Long, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Cik Jamaliah binti Jamaluddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Ghandimathi a/p Suppiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Ang Ming Ern, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Puan Sia Siew Chin, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
03. Encik Lee Soong Yee, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Encik Ku Mustafa bin Ku Mohamad,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Encik Zain Azly bin Abdul Rahman,
Wakil Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Puan Zaharah binti Rustam,
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Wakil Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,
Pengarah, Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPJ.
16. Encik Mohd Zulhairi bin Johar,
Wakil Pengarah, Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.



17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Omarsita bin Rustam,
Wakil Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

